

Program Sentuhan Kasih Pendidikan Moral SPM set 3

1. Maklumat berikut berkaitan dengan pilihan raya negara kita. Rakyat perlu bijak dalam memilih organisasi untuk mentadbir negara.



- (a) Warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas diberi hak untuk menjadi pengundi dalam pilihanraya.

Senaraikan cara untuk mengundi dalam pilihanraya. [3 markah]

i

.....

ii

.....

iii

.....

- (b) Cerakinkan kepentingan warganegara melibatkan diri dalam pilihan raya. [4 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

- (c) Pada pendapat anda, apakah usaha yang perlu dilakukan untuk menggalakkan warganegara Malaysia pergi mengundi? [2 markah]

i

.....

ii

.....

- (d) Memiliki dokumen sah sebagai rakyat sesebuah negara adalah hak warganegara. Namakan dokumen sah tersebut. [1 markah]

.....

1. Maklumat berikut berkaitan dengan pilihan raya negara kita. Rakyat perlu bijak dalam memilih organisasi untuk mentadbir negara.



(a)	Warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas diberi hak untuk menjadi pengundi dalam pilihanraya. Senaraikan cara untuk mengundi dalam pilihanraya. [3 markah]
F1	Menyemak nama dalam semakan daftar pengundi / pemilih
F2	Membawa kad pengenalan untuk pergi mengundi
F3	Mengundi pada hari pilihanraya / Mengundi ikut waktu yang ditetapkan / mengundi di tempat / saluran yang ditetapkan
	Nota : mana-mana 3F = 3m

(b)	Cerakinkan kepentingan warganegara melibatkan diri dalam pilihan raya. [4 markah]
F1	melaksanakan tanggungjawab dalam memilih pemimpin negara
H1	Merupakan hak warganegara dalam negara demokrasi untuk pergi mengundi
F2	membentuk satu kerajaan yang berkualiti dalam mentadbir negara
H2	Melincinkan pentadbiran kerajaan dalam semua aspek
F3	Membangun dan memartabatkan negara
H3	Membantu pembangunan ekonomi, sosial dan politik yang stabil
F4	Menjamin kestabilan politik negara
H4	Menunjukkan kesetiaan yang tinggi kepada negara
	Mana-mana jawapan yang munasabah Nota : mana-mana 1F + 3H = 4m / 2F + 2H = 4m / 3F + 1H = 4m

(c)	Pada pendapat anda, apakah usaha yang perlu dilakukan untuk menggalakkan warganegara Malaysia pergi mengundi ? [2 markah]
F1	Melalui pendidikan di sekolah / melalui subjek sejarah / Pendidikan Moral / mendedahkan kepentingan mengundi di peringkat sekolah
F2	Melalui media massa / media sosial / mengiklankan obligasi warganegara untuk pergi mengundi
F3	Badan bukan kerajaan membantu ahli komuniti setempat menyemak maklumat mengundi
F4	Menganjurkan kempen pergi mengundi
	Mana-mana jawapan yang munasabah Nota : mana-mana 2F = 2m

(d)	Memiliki dokumen sah sebagai rakyat sesebuah negara adalah hak warganegara. Namakan dokumen sah tersebut. [1 markah]
F1	Sijil kelahiran / sijil beranak
F2	My kad / my Kid / kad pengenalan
F3	Passport Malaysia
	Nota : mana-mana 1F = 1m

5. Berikut merupakan keratan akhbar berkaitan seorang remaja tidak dapat sambung pelajaran ke sekolah menengah kerana tidak mempunyai kad pengenalan.

Remaja tidak dapat ke sekolah gara-gara tiada kad pengenalan

PONTIAN – Disebabkan tidak mempunyai kad pengenalan, seorang remaja yang tinggal bersama ibu angkatnya di Kampung Ayer Baloi di sini tidak dapat menyambung pelajaran di peringkat sekolah menengah. Menurut Rokiah Yudik, 64, dia menjadikan Muhammad Faiz Naqqiudin Abdullah, 13, sebagai anak angkat sejak remaja itu berusia tiga hari. Katanya, anak angkatnya itu lahir pada 16 Oktober 2008, dan diserahkan kepadanya oleh seorang wanita.



Sumber : Kosmo, 26/10/2021

- (a) Nyatakan kesukaran lain jika tidak mempunyai kad pengenalan. [2 markah]

.....
.....

- (b) Jelaskan kepentingan pendidikan. [4 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

- (c) Senaraikan hak warganegara yang diperuntukan dalam Perlembagaan Persekutuan. [3 markah]

i
ii
iii

- (d) Namakan agensi yang menguruskan pendaftaran kerakyatan Malaysia. [1 markah]

.....

5. Berikut merupakan keratan akhbar berkaitan seorang remaja tidak dapat sambung pelajaran ke sekolah menengah kerana tidak mempunyai kad pengenalan.

Remaja tidak dapat ke sekolah gara-gara tiada kad pengenalan

PONTIAN – Disebabkan tidak mempunyai kad pengenalan, seorang remaja yang tinggal bersama ibu angkatnya di Kampung Ayer Baloi di sini tidak dapat menyambung pelajaran di peringkat sekolah menengah.

Menurut Rokiah Yudik, 64, dia menjadikan Muhammad Faiz Naqqiudin Abdullah, 13, sebagai anak angkat sejak remaja itu berusia tiga hari. Katanya, anak angkatnya itu lahir pada 16 Oktober 2008, dan diserahkan kepadanya oleh seorang wanita.



Sumber : Kosmo, 26/10/2021

(a)	Nyatakan kesukaran lain jika tidak mempunyai kad pengenalan. [2 markah]
H1	Tidak boleh kerja
H2	Tidak boleh khawin
H3	Tidak boleh memiliki akaun bank
H4	Membayar bayaran perubatan yang mahal di hospital kerajaan
H5	Disalah anggap sebagai pendatang asing
H6	Boleh ditangkap oleh polis
	Terima mana-mana jawapan munasabah Terima mana-mana 2H = 2m


(b)	Jelaskan kepentingan pendidikan. [4 markah]
F1	Melahirkan rakyat yang berpengetahuan / melahirkan modal insan
H1	Boleh berdaya saing di peringkat antarabangsa
F2	Menjamin masa depan
H2	Mendapat pekerjaan yang baik
F3	Memajukan negara
H3	Meningkatkan pembangunan negara
F4	Meningkatkan ekonomi negara / k-ekonomi
H4	Pekerja yang berpengetahuan
F5	Meningkatkan imej negara
H5	Dipandang tinggi oleh negara lain
F6	Membawa perubahan dalam sistem pentadbiran
H6	Menyumbang idea yang kritis / kreatif
	Terima mana-mana jawapan munasabah, gabungan mana-mana fakta dan huraian Terima 1F + 3H / 2F + 2H / 3F + 1H = 4m / 4F + 0H = 3m

(c)	Senaraikan hak warganegara yang diperuntukan dalam Perlembagaan Persekutuan. [3 markah]
F1	Kebebasan diri (Perkara 5)
F2	Keabadian dan kerja paksa dilarang (Perkara 6)
F3	Perlindungan daripada undang-undang jenayah kuatkuasa kebelakangan dan percabaran berulang (Perkara 7)
F4	Kesamarataan (Perkara 8)
F5	Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak (Perkara 9)
F6	Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan (Perkara 10)
F7	Kebebasan beragama (Perkara 11)
F8	Hak berkenaan dengan pendidikan (Perkara 12)
F9	Hak terhadap harta (Perkara 13)
	Terima 3F = 3m

(d)	Namakan agensi yang menguruskan pendaftaran kerakyatan Malaysia. [1 markah]
F1	Jabatan Pendaftaran Negara
	Terima 1F = 1m Jawapan 5c dan 5d mesti tepat seperti skema baru dapat markah

Terima watak : Rakyat Malaysia

Bil	Nilai Universal / Tindakan / Huraian / Contoh
F	menjamin kestabilan negara / politik terjamin
H	Rakyat Malaysia mengamalkan sistem demokrasi
H	Rakyat Malaysia saling berusaha bersama-sama
F	Rakyat Malaysia menjaga keamanan dalam negara
H	Rakyat Malaysia mengekalkan kedaulatan dan keselamatan negara
H	Rakyat Malaysia membantu kerajaan melicinkan pentadbiran
F	Rakyat Malaysia mengekalkan kemakmuran dalam kehidupan masyarakat
H	Rakyat Malaysia membantu pembangunan ekonomi dan sosial
H	Rakyat Malaysia menyokong semua dasar kerajaan
F	Rakyat Malaysia mengelakkan pergaduhan antara kaum
H	Rakyat Malaysia mempunyai kesefahaman pandangan
H	Rakyat Malaysia sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur
F	Rakyat Malaysia mengelakkan diskriminasi yang disebabkan oleh perbezaan agama, bangsa, budaya dan bahasa
H	Rakyat Malaysia menerima kepelbagaian budaya dan agama
H	Rakyat Malaysia bersangka baik terhadap kaum lain
F	Rakyat Malaysia mempunyai kesetiaan yang tinggi kepada negara
H	Rakyat Malaysia menjaga nama baik Malaysia
H	Rakyat Malaysia sentiasa mematuhi peraturan dan undang undang negara
Mana-mana jawapan yang munasabah	

	<p>Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan memeruntukkan warganegara Malaysia kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan. Rakyat Malaysia boleh menyuarakan ketidakpuasan dan pandangan mereka kepada pihak berkuasa dengan saluran yang betul, tetapi bukan melalui provokasi yang boleh mengancam perpaduan kaum dan keamanan negara.</p>
---	--

- 8a. Nyatakan perkara sensitif di dalam Perlembagaan Persekutuan yang tidak boleh dipersoalkan oleh rakyat Malaysia. [4m]
- b. Bincangkan bagaimana rakyat Malaysia boleh menyuarakan ketidakpuasan dan pandangan mereka kepada pihak berkuasa dengan menggunakan saluran yang betul ? [8m]
- c. Semasa menggunakan hak kebebasan bersuara dan berhimpun, rakyat Malaysia harus mematuhi batasan tertentu agar tindakan yang diambil tidak menyalahi Perlembagaan Malaysia dan menjamin kesejahteraan rakyat.

Huraikan cara-cara seseorang warganegara mengamalkan hak dan tanggungjawab untuk kebebasan bersuara dan berhimpun ?

Terangkan jawapan anda berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari. [8m]

Skema Soalan Bahagian C

Skema Soalan a

Bil	Fakta
F1	Kedudukan / hak istimewa orang Melayu / anak negeri Sabah / Sarawak Keistimewaan orang Melayu / hak istimewa bumiputera Sabah / Sarawak
F2	Kewarganegaraan
F3	Bahasa Kebangsaan / kedudukan bahasa kebangsaan
F4	Kedaulatan Raja-Raja Melayu / kedudukan / Keistimewaan Raja-Raja
F5	Agama persekutuan / agama Islam sebagai agama Rasmi
Terima mana-mana jawapan yang munasabah Nota : mana-mana 4F = 4m	

Skema Soalan b

Terima watak : Rakyat Malaysia / kita / saya / kami / pihak berkuasa

Bil	Nilai Universal / Tindakan / Huraian / Contoh
F	Demonstrasi adalah saluran yang betul untuk menyuarakan ketidakpuasan dan pandangan rakyat kepada pihak berkuasa.
H	Undang-undang negara membenarkan demonstrasi aman dan demonstrasi ialah kaedah memprotes bagi menarik perhatian pihak kerajaan
F	Saluran yang betul untuk menyuarakan ketidakpuasan dan pandangan rakyat kepada pihak berkuasa ialah melalui media sosial
H	Rakyat Malaysia boleh menyampaikan pandangan, idea, dan ketidakpuasan secara jelas melalui media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram
H	Media sosial boleh mewujudkan komunikasi dua hala antara rakyat dengan pihak berkuasa
F	Media-massa juga merupakan saluran yang betul untuk menyuarakan ketidakpuasan dan pandangan rakyat kepada pihak berkuasa
H	Rakyat Malaysia boleh menggunakan media cetak dan media elektronik untuk menyatakan pandangan
H	Tindakan ini dapat menarik perhatian umum dan pihak berkuasa
F	Sudut ucapan awam juga merupakan saluran yang betul untuk menyuarakan ketidakpuasan dan pandangan rakyat kepada pihak berkuasa
H	Kerajaan boleh menyediakan tempat khas untuk orang ramai menyuarakan pandangan dan bantahan secara rasmi
H	Rakyat Malaysia diberi kebebasan untuk menyuarakan pandangan di sudut ucapan awam
F	Program bual bicara / talk show boleh digunakan oleh rakyat Malaysia untuk menyuarakan ketidakpuasan terhadap pihak berkuasa
H	Hal ini memberi peluang kepada orang ramai mengadakan bicara isu semasa dan mengemukakan isu serta pandangan melalui media penyiaran elektronik
F	Dialog rakyat dengan pihak berkuasa / berbincang dengan pihak berkuasa juga merupakan saluran yang betul untuk menyuarakan ketidakpuasan kepada pihak berkuasa
H	Rakyat mengesa pihak berkuasa menganjurkan dialog bersama dengan orang ramai secara berkala untuk menyuarakan perasaan tidak puas hati
F	Pengaduan awam / membuat aduan awam merupakan saluran yang betul untuk menyuarakan ketidakpuasan kepada pihak berkuasa
H	Rakyat menggunakan agensi kerajaan sedia ada untuk membuat aduan aduan rasmi dan nama pengadu akan mudah menarik perhatian
H	Pengadu / rakyat akan dimaklumkan status penyelesaian tentang ketidakpuasan mereka
F	Saluran yang lain untuk menyuarakan ketidakpuasan kepada pihak berkuasa ialah melalui memorandum / mengemukakan petisyen / bantahan.

H	Rakyat mengumpul tandatangan secara beramai-ramai bagi menyatakan bantahan terhadap sesuatu isu
F	Melalui wakil rakyat untuk menyuarakan ketidakpuasan kepada pihak berkuasa
H	Rakyat meminta wakil rakyat menyuarakan ketidakpuasan kepada pihak berkepentingan dalam Parlimen / DUN
H	Dengan cara ini, masalah rakyat dapat disalurkan kepada pihak berkenaan
H	Rakyat harus menggunakan pelbagai saluran untuk menyampaikan pandangan dan idea secara waras dan matang.
Mana-mana jawapan yang munasabah	

Skema soalan c

Terima watak : rakyat Malaysia / seseorang warganegara / mana-mana pihak yang sesuai

Bil	Nilai Universal / Tindakan / Huraian / Contoh
N	Nilai Hormat / Nilai Toleransi / Nilai Rasional / Nilai Harga Diri / Nilai Patriotisme
F	Seseorang warganegara perlu berfikir kesan buruk jika tidak mematuhi hak kebebasan berhimpun dan bersuara
F	Seseorang warganegara harus tidak menyentuh isu sensitif ketika berhimpun
H	Contoh isu sentisi seperti hal hal mengenai kewarganegaran / kedaulatan raja-raja / keistimewaan bumiputera / bahasa kebangsaan
H	Hal ini kerana isu sensitif mengakibatkan pergaduhan rakyat
H	Selain itu, isu sensitif menjejaskan keamanan negara
F	Seseorang warganegara harus bertindak wajar mengikut undang-undang
H	Seseorang warganegara harus berhimpun secara aman
F	Mereka harus tidak melakukan keganasan semasa berhimpun
H	Mereka harus tidak merosakkan kemudahan awam
H	Seseorang warganegara harus menyedari kebebasan berucap ada batasan
F	Mereka harus memohon permit kebenaran dari PDRM / polis untuk berhimpun
H	mengelakkan perbuatan yang boleh melahirkan perselisihan faham antara kaum
H	Rakyat Malaysia harus sentiasa akur kepada Akta Hasutan / Akta Percetakan dan Penerbitan / Akta Ketenteraman Awam semasa melakukan kebebasan berucap dan berhimpun
Mana-mana jawapan yang munasabah	

4. Maklumat berikut berkaitan dengan keunikan kaum Kadazandusun.

Kaum Kadazandusun	
Bahasa	: Kadazandusun
Makanan	: Tuhau, Hinava, Bosou
Pakaian	: Himpogot, Tangkong, Siling, Tapi'
Perayaan	: Pesta Kaamatan, Pesta Moginakan Nunuk Ragang

(a) Nyatakan contoh perayaan dan makanan bagi kaum Iban di Sarawak. [2m]

i. Perayaan :

.....

ii. Makanan :

.....

(b) Setiap rakyat Malaysia patut mempertahankan dan mengekalkan keunikan rakyat negara ini supaya generasi muda dapat menyedari kepentingan keunikan ini. Huraikan kepentingan mengekalkan warisan kebudayaan pelbagai kaum. [4m]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

(c) Jelaskan satu tindakan anda berdasarkan situasi di bawah :

i Jiran Melayu menjemput anda menghadiri majlis perkahwinan ahli keluarganya. [2m]

.....
.....
.....
.....

ii Rakan anda memakai pakaian kurang sopan semasa menghadiri majlis tersebut. [2m]

.....
.....
.....
.....

4. Maklumat berikut berkaitan dengan keunikan kaum Kadazandusun. **U11 T4**

Kaum Kadazandusun	
Bahasa :	Kadazandusun
Makanan :	Tuhau, Hinava, Bosou
Pakaian :	Himpogot, Tangkong, Siling, Tapi'
Perayaan :	Pesta Kaamatan, Pesta Moginakan Nunuk Ragang

(a) **Nyatakan contoh** perayaan dan makanan bagi kaum Iban di Sarawak. [2m]

- | | |
|---------------|--|
| i. Perayaan : | Gawai Dayak / Gawai Antu / Gawai Batu / Hari Gawai / Pesta Menuai |
| ii. Makanan : | Manuk pansuh / Kasam ikan / umai / Salai |

Terima 1F = 1m / 2F = 2m

(b) Setiap rakyat Malaysia patut mempertahankan dan mengekalkan keunikan rakyat negara ini supaya generasi muda dapat menyedari kepentingan keunikan ini.

Huraikan kepentingan mengekalkan warisan kebudayaan pelbagai kaum. [4m]

F1	Mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia
H1	Menerima persamaan dan perbezaan budaya
H2	Rakyat hidup bersatu padu
F2	Mengukuhkan kestabilan politik dan ekonomi negara
H3	Menarik pelancong asing
H4	Menggalakkan kemasukan pelabur asing
F3	Melahirkan generasi baharu yang mengekalkan kepelbagaian budaya
H5	Meningkatkan kesedaran tentang kefahaman budaya pelbagai kaum
H6	Kebudayaan tidak akan ditelan zaman
F4	Mengekalkan keseimbangan antara kemajuan negara dengan warisan kebudayaan
H7	Memelihara jati diri
H8	Mengukuhkan persefahaman antara kaum
F5	Menjadi kebanggaan negara
H9	Mencerminkan identiti negara
H10	Meningkatkan imej negara
Terima mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima 1F + 3H / 2F + 2H / 3F + 1H = 4m	

(c) Jelaskan satu tindakan anda berdasarkan situasi di bawah :

i Jiran Melayu menjemput anda menghadiri majlis perkahwinan ahli keluarganya. [2m]

F1	Menghadiri majlis tersebut
H1	Tanda sokongan kepada jiran
H2	Menerima keunikan adat perkahwinan
H3	Mengeratkan hubungan
H4	Memberikan hadiah
H5	Berpakaian sopan / berpakaian kemas / tutup aurat ketika menghadiri majlis
Terima mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima 1F + 1H = 2m / 0F + 2H = 1m	

ii Rakan anda memakai pakaian kurang sopan semasa menghadiri majlis tersebut. [2m]

F1	Menegur / menasihati rakan
H1	Perlu bersopan semasa menghadiri majlis
H2	Mengelakkan pandangan tidak baik
H3	Menjejaskan imej
H4	Mengelakkan perselisihan faham
Terima mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima 1F + 1H = 2m / 0F + 2H = 1m	

a.	Namakan perayaan pelbagai kaum di Malaysia. [2m]
F1	Hari Raya Aidilfitri / Hari Raya Aidiladha / Maal Hijrah / Awal Muharram / Maulidur Rasul / Hari Keputeraan Nabi Muhammad SAW
F2	Tahun Baharu Cina / Dong Zhi / Cap Goh Mei / Pesta Tanglung
F3	Deepavali / Thaipusam / Thaiponggal
F4	Hari Vesakhi / Hari Vaisakhi / Hari Vasaki / Tahun Baru Punjabi
F5	Pesta Kaamatan (Pesta Menuai) / Pesta Moginakan Nunuk Ragang
F6	Gawai Dayak / Gawai Antu, Gawai Batu
Nota : mana-mana 2F = 2m	

b. Jelaskan strategi yang boleh dilaksanakan bagi mengekalkan keunikan rakyat Malaysia. [8m]

Terima watak : Saya / Pelbagai kaum / rakyat Malaysia / ibu bapa / kerajaan / mana-mana watak yang sesuai

Bil	Nilai Universal / Tindakan / Huraian / Contoh
F	tidak memandang rendah adat atau kepercayaan kaum lain.
H	Contohnya tidak memperkatakan kepercayaan / cara sembahyang kaum lain
H	Rakyat Malaysia / saya harus mengamalkan adat dan budaya yang bersesuaian dalam kehidupan harian.
H	Contohnya, saya mengamalkan budaya kunjung mengunjungi semasa sambutan perayaan Tahun Baru Cina / Hari Raya Aidilfitri / Hari Deepavali
F	Ibu bapa seharusnya mengamalkan adat dan budaya dalam keluarga
H	Dengan cara ini, ibu bapa dapat mendidik anak-anak supaya menerima kepelbagaian budaya.
H	Contohnya, ibu bapa mendidik anak memakai pakaian tradisional
H	seperti baju kurung / baju Melayu semasa menghadiri majlis rumah terbuka kaum Melayu
F	membawa anak-anak untuk menyertai aktiviti kebudayaan pelbagai kaum
F	Contohnya kenduri kahwin kaum Melayu / kaum India
F	kerajaan harus membanyakkan aktiviti kesenian dan kebudayaan di peringkat sekolah.
H	Pihak sekolah / kelab kesenian dan kebudayaan boleh mendidik murid pelbagai kaum untuk mengenali pakaian / tarian / makanan pelbagai kaum
H	Murid-murid diberi peluang untuk mempelajari tarian pelbagai kaum di sekolah
H	Kerajaan juga harus memartabatkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.
H	Kerajaan / pihak sekolah / kelab kesenian dan kebudayaan boleh mewujudkan muzium mini kesenian dan kebudayaan
H	Pelajar pelbagai kaum di sekolah dapat mengenali budaya pelbagai kaum melalui lawatan sambil belajar ke muzium mini kesenian.
Mana-mana jawapan yang munasabah	

8. Gambar menunjukkan keunikan rakyat Malaysia.



Sumber : <https://www.googleimage.com/>

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Setiap kaum mempunyai perayaannya yang tersendiri. **U11 T4**

(a) **Namakan** perayaan yang disambut oleh kaum berikut. [4m]

i Melayu :	Hari Raya Aidilfitri / Hari raya Puasa / Hari Raya Aidiladha / Maulidur Rasul / Maal Hijrah
ii India :	Deepavali / Thaipusam / Thaiponggal
iii Sikh :	Hari Vesakhi / Hari Vaisakhi / Hari Vasaki / Tahun Baru Punjabi
iv Kadazan :	Pesta Kaamatan / Pesta Menuai / Pesta Moginakan Nunuk Ragang

(b) Bincangkan **kepentingan** mengekalkan sambutan perayaan tersebut.

Jawapan anda hendaklah berdasarkan **nilai universal** yang anda pelajari. [8m]

Bil	Fakta / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh / Kepentingan / Nilai Universal
N	Nilai hormat / nilai rasional / nilai toleransi
F	Mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia
H	Menerima persamaan dan perbezaan budaya
H	Rakyat hidup bersatu padu
F	Mengukuhkan kestabilan politik dan ekonomi negara
H	Menarik pelancong asing
H	Menggalakkan kemasukan pelabur asing
F	Melahirkan generasi baharu yang mengekalkan kepelbagaian budaya
H	Meningkatkan kesedaran tentang kefahaman budaya pelbagai kaum
H	Kebudayaan tidak akan ditelan zaman
F	Mengekalkan keseimbangan antara kemajuan negara dengan warisan / kebudayaan
H	Memelihara jati diri
H	Mengukuhkan persefahaman antara kaum
F	Menjadi kebanggaan negara
H	Mencerminkan identiti negara
H	Meningkatkan imej negara
	Mana-mana jawapan munasabah / gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh Penandaan adalah dalam bentuk rubrik / holistik Nota: Jawapan / fakta / huraian esei mesti ayat lengkap / lengkap dengan watak jika ada watak

(c) Terangkan **cabaran** 挑战 untuk mengekalkan keunikan rakyat Malaysia. [8m]

Bil	Fakta / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh / Cabaran
F	Cabaran Bahasa
H	kepelbagaian bahasa yang tidak dapat difahami oleh segelintir masyarakat
H	menjejaskan komunikasi antara kaum
F	Cabaran Budaya Tular
H	menghakis jati diri dan budaya sesuatu kaum
H	mudah dipengaruhi dengan budaya negatif dari luar
F	Cabaran Sosial
H	perasaan taksub terhadap kebudayaan sendiri
H	kecelaruan identiti bangsa
F	Polarisasi kaum
H	mencetuskan konflik yang berpunca daripada sikap tidak menghormati perbezaan adat dan kepercayaan kaum lain
H	mewujudkan sikap perkauman
	Mana-mana jawapan munasabah / gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh Penandaan adalah dalam bentuk <u>rubrik / holistik</u> Nota : Jawapan / fakta / huraian esei mesti ayat lengkap / lengkap dengan watak jika ada watak

9 Gambar di bawah berkaitan dengan Festival Tarian Tradisional Malaysia. **U11 T4**



(a) **Berikan cadangan anda** untuk menggalakkan orang ramai menyertai festival tarian tradisional tersebut ? [4m]

Bil	Jawapan
F1	Mengadakan kempen / promosi
F2	Edarkan poster / iklan
F3	Tularkan aktiviti yang dijalankan
F4	Mengajak ibu bapa / rakan menyertai festival
F5	Pertandingan
F6	Memberi imbuhan / insentif / sijil / hadiah/ cenderahati
F7	Cabutan bertuah untuk peserta
F8	Tidak mengenakan bayaran penyertaan
Terima mana-mana 4F / 3F + 1H / 2F + 2H / 1F +3H = 4m	
Nota : terima gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh	

(b) **Bincangkan kebaikan festival** tersebut kepada rakyat Malaysia. [8m]

Terima watak : rakyat Malaysia

Bil	Jawapan
F	Mengukuhkan perpaduan
H	Menyatukan pelbagai bangsa seperti kaum Melayu, kaum Cina dan kaum India
H	Mengeratkan hubungan antara kaum
H	Saling menerima tarian pelbagai kaum
F	Memupuk minat
H	Tarian kaum lain sangat menarik / unik
H	Membawa unsur kesenian yang berlainan antara kaum
H	Irama yang berbeza
H	Contohnya, tarian zapin kaum Melayu adalah berlainan dari tarian kipas kaum Cina
F	Menyihatkan tubuh badan
H	Latihan tarian boleh mengeluarkan peluh
H	Mengeluarkan toksin dari badan
H	Mengekalkan kelangsingan tubuh badan
F	Memupuk semangat cinta akan negara
H	Boleh mengenali kepelbagaian tarian kaum lain di seluruh Malaysia
H	Contohnya, tarian boria dari Pulau Pinang / tarian kuda kepang dari Johor / dikir barat dari Kelantan / tarian sumazau dari Sabah / tarian ngajat Iban dari sarawak
H	Mewujudkan perasaan bangga terhadap tarian tradisional
F	Membentuk sahsiah dan jati diri
H	Tidak terlibat dengan gejala sosial
H	Menggunakan masa dengan bermanfaat
H	Mempelajari pelbagai tarian yang berbeza
H	Mengelakkan pengaruh budaya barat / kuning / budaya k-pop berleluasa

F	Menonjolkan bakat
H	Untuk menari pelbagai tarian
H	membina keyakinan semasa menari
H	Menjamin keharmonian
F	Tarian tradisional tidak ditelan zaman
H	Mengelakkan kepupusan tarian tradisional
H	Seperti tarian kuda kepang
H	Tarian tradisional menjadi jambatan untuk menghubungkan generasi tua dan muda
H	Generasi muda dapat kenali tarian tradisional
Mana-mana jawapan munasabah / gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh Penandaan adalah dalam bentuk <u>rubrik / holistik</u>	
Nota: Jawapan / fakta / huraian esei mesti ayat lengkap / lengkap dengan watak jika ada watak	

- (c) Festival seperti di atas merupakan keunikan rakyat Malaysia.
Terangkan cabaran dalam mengekalkan keunikan rakyat Malaysia.
 Jawapan anda hendaklah disokong dengan nilai-nilai universal. [8m]

Terima watak : rakyat Malaysia

Bil	Jawapan
N	Nilai bertanggungjawab / Rasional / Patriotisme / Keberanian / Berterima kasih
F	Kepelbagaian bahasa / cabaran bahasa
H	Penguasaan Bahasa Kebangsaan lemah
H	Tidak dapat berkomunikasi dengan baik antara kaum / Menjejaskan komunikasi antara kaum
H	Tidak faham budaya kaum lain
H	Konflik antara kaum wujud
F	Kepelbagaian adat dan budaya
H	Kurang menerima kepelbagaian
H	Contoh tidak dapat menerima budaya/ makanan tradisional kaum lain
H	Tidak berani makan makanan umai kaum Iban
F	Cabaran budaya tular
H	Mudah dipengaruhi budaya negatif dari luar
H	Contoh budaya k-pop / black metal
H	Anggap budaya tempatan ketinggalan zaman
H	Menghakiskan jati diri dan budaya sesuatu kaum
F	Berlaku polarisasi kaum
H	Wujud sikap perkauman
H	Perasaan taasub kepada kebudayaan sendiri / Berasa budaya kaum sendiri adalah paling baik
H	Kecelaruan identiti bangsa
H	Mempunyai pandangan yang tidak baik terhadap kebudayaan kaum lain
F	Sikap ego
H	Beranggapan budaya yang ditinggalkan oleh nenek moyang adalah ketinggalan zaman
H	Budaya / tradisi adalah sesuatu yang memalukan dirinya sebagai anak zaman moden
F	Bersikap individualistik
H	Mementingkan diri sendiri / mengabaikan budaya kaum diri dan kaum lain
F	Pengaruh media massa
H	Penyebaran maklumat palsu / negatif
H	Kurang pemahaman agama
F	Perkembangan teknologi dan maklumat
H	Lebih tertarik kepada gaya hidup moden / budaya moden

H	Berasa kebudayaan setiap kaum itu adalah kolot 落伍的
H	Contoh, Tidak menerima kebudayaan seperti menyembah nenek moyang dengan colok 香
<p>Mana-mana jawapan munasabah / gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh <u>Warna biru (huraian) adalah ayat contoh gabungan fakta, huraian dan contoh.</u> Calon boleh guna ayat ini di mana mana huraian / contoh yang sesuai. Tetapi ayat ini hanya boleh digunakan sekali sahaja untuk mengelakkan calon ulang fakta / huraian supaya tidak jatuh aras. Penandaan adalah dalam bentuk rubrik / holistik Nota: Jawapan / fakta / huraian esei mesti ayat lengkap / lengkap dengan watak jika ada watak</p>	